

Kampung air berkembar

► Fasa kedua projek silaturahmi Sabah-Brunei dilaksana

10 7.5.2019 A7
BANDAR SERIBEGAWAN: Fasa kedua projek 'Twinning Water Village Sabah and Brunei' berjaya dianjurkan oleh pelajar Projek Rundingcara Perhubungan Awam (PRPA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kampung Tamoi, di sini.

Pengarah Projek Saufi Akmaluddin Sabli berkata, ia bermatlamat mewujudkan konsep kampung air berkembar yang melibatkan Kampung Weston, Beaufort, Sabah dengan Kampung Tamoi, Brunei dari aspek budaya serta tradisi yang merangkumi jenis makanan tradisional, tarian tradisi dan sebagainya.

"Projek ini juga berfungsi bagi mewujudkan kerjasama antara kedua-dua kampung air ini dengan Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS)," katanya.

Penghulu Mukim Tamoi Pengarah Awang Haji Mokti Mohd Salleh pula berkata, sememangnya tidak wujud perbezaan dari segi budaya makanan dan tarian antara Kampung Weston dengan



PELAJAR PRPA bersama Pengulu Mukim Tamoi dan penduduk Kampung Tamoi.

Kampung Ayer di Brunei ketika menonton video yang menayangkan aktiviti yang dilaksanakan oleh pelajar PRPA semasa fasa pertama di Weston sebelum ini.


"Saya amat berterima kasih dengan penganjuran program ini dan berharap agar ia dapat dijadikan kenangan sehingga akhir hayat," katanya.

Sementara itu, Timbalan

Pengerusi PMBS Haji Saat Awang Damit berkata, sekiranya projek itu terus dilaksanakan, ia mampu menyatukan kedua-dua masyarakat Brunei yang

tinggal di Sabah dan Brunei.

"Tentu sekali program ini yang bermaksud 'twin' dapat melihat dan menyerap kedua-dua kemajuan serta persamaan di antara kedua-dua kampung



SAAT AG DAMIT



AWANG HAJI MOKTI



SEBAHAGIAN pelajar PRPA sebelum bertolak ke Kg Tamoi.

Tamoi dan Weston mampu menjadi teladan yang boleh dicontohi," katanya.

Antara kebudayaan masyarakat Kampung Tamoi yang diperkenalkan kepada para pelajar PRPA 2019 adalah aktiviti 'Bermukun' dan anyaman 'Bayung Tambuni'

Turut hadir dalam acara itu ialah Penaung PRPA 2019 Dr Syahrudin Awang Ahmad dan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa Kolej Kediaman Excellent UMS.

Acara itu turut mendapat tajaan daripada Sriho Auto Parts Sdn Bhd.